



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Yeo Bee Yin sets Parliament record for fastest ministerial replies</u> The Minister of Energy, Green Technology, Science, Climate Change and Environment took nine minutes to reply to questions raised by Datuk Seri Dr Wee Ka Siong (BN-Ayer Hitam) and Steven Choong Shiau Yoon (PH-Tebrau) on electricity tariffs imposed on schools.	The Star	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Ministry to study proposal to standardise electricity tariffs for school and Govt buildings</u> The Government will study proposals to standardise the electricity tariffs for school and Government buildings, said Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Yeo Bee Yin.	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Tarif elektrik bangunan sekolah, kerajaan seragam?</u> Kerajaan akan mengkaji cadangan menyeragamkan kadar tarif elektrik bagi bangunan sekolah dan kerajaan, kata Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Sperm Whale Found Dead After Swallowing More Than 1,000 Pieces Of Plastic Waste</u> As the issue worsens in Malaysia, Energy, Science, Technology, Environment, and Climate Change Minister Yeo Bee Yin previously said that she aims to ban all single-use plastics nationwide by 2030.	Says News	Klik pada tajuk berita



5.	<u>Banjir: Bantuan khas RM500 untuk 302 keluarga</u> Menurutnya, orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati terutama di kawasan banjir dan peka dengan amaran ribut petir, hujan lebat dan angin kencang yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Kerajaan kaji cadangan seragam tarif elektrik bangunan sekolah, kerajaan</u> Kerajaan akan mengkaji cadangan menyeragamkan kadar tarif elektrik bagi bangunan sekolah dan kerajaan, kata Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
7.	<u>TNB terima pengiktirafan atas kestabilan alam sekitar</u> Penghargaan itu disampaikan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Persekitaran dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah kepada Pengurus Besar Kanan, Peraturan dan Jabatan Perancangan, Bahagian Strategik dan Pengawalseliaan TNB, Ismail Abd Rahman.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 1
8.	<u>Going plastic-free by 2020</u> "While the policy on use of biodegradable products falls under the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (MESTECC), it was decided by the Cabinet that the FT Ministry would continue it as a pilot project since we started the initiative in 2016," said Khalid.	The Star	Rujuk lampiran 2
9.	<u>Pengerusi TNB dapat anugerah</u> Turut hadir ialah Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Seri Ir Azman Mohd dan Pengerusi Suruhanjaya Tenaga (ST), Datuk Ir Ahmad Fauzi Hassan.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Malaysian travel platform LokaLocal raises</u>	Deal Street	Klik pada tajuk



	<u>funding from S Korea's BonAngels</u> In December 2017, LokaLocal had raised RM300,000 in funding under the 'Cradle Investment Programme 300' from Cradle Fund Sdn Bhd.	Asia	berita
--	--	------	--------

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
11.	<u>Dinding Planetarium Melaka runtuh</u> Planetarium Melaka yang terletak berhampiran Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini terpaksa ditutup sementara atas faktor keselamatan selepas sebahagian dindingnya runtuh dalam kejadian hujan lebat dan ribut kelmarin.	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Rundingan dua hala pertama di Islamabad</u> Kedua-dua pemimpin menegaskan hasrat bersama untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, memperluaskan perdagangan dan pelaburan, mewujudkan keadaan yang positif bagi perdagangan dan perniagaan di kedua-dua negara, terutama dalam industri minyak sawit, produk pertanian, peruncitan makanan, produk halal, bahagian automotif, tenaga, sains dan teknologi serta telekomunikasi, kata kenyataan itu.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 3
13.	<u>'Fitrah Box' bantu tangani jenayah</u> Ketua Penyelidik dari Jabatan Sains Komputer, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) UPM Dr Azree Shahrel Ahmad Nazri berkata, Fitrah Box menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi mengenal pasti aktiviti jenayah berasaskan pengecaman manusia, pengecaman aktiviti jenayah dan penghasilan strategi anti-jenayah.	Metro	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Proton akan pasang X70 dalam negara</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk

	selepas pengembangan kilang selesai Radzaif berkata model terbaharu Proton akan melengkapkan aspirasi kerajaan untuk beralih kepada revolusi Industri 4.0, dari segi memiliki banyak ciri-ciri automasi dan kecerdasan buatan (AI).		berita
15.	Kajian semula NAP diumumkan suku pertama 2019 "NAP yang disemak semula itu akan meneliti seluruh ekosistem automotif dan menumpu kepada sambungan mobiliti, Revolusi Industri 4.0, kenderaan generasi baharu dan kecerdasan buatan (AI)," katanya pada Persidangan Automotif Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIAC) 2018, di sini, hari ini.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
16.	Teknologi robotik kuliner bakal tarik pengunjung MAHA 2018 "Kita akan mengutarakan beberapa inovasi terbaharu dalam MAHA kali ini seperti industri robotik kuliner dan konsep <i>from lab to table</i> sebagai pembaharuan revolusi pertanian moden.	Malaysia Gazzate	Klik pada tajuk berita
17.	33 mangsa banjir di Balik Pulau dipindahkan SERAMAI 33 orang membabitkan sembilan keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Surau Haji Hashim, Bukit Kecil, Sungai Pinang, Georgetown, hari ini.	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
18.	NADMA sedia 50,000 kit makanan mangsa banjir Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) menyediakan sebanyak 50,000 kit makanan permulaan bagi mangsa bencana terutama ketika musim tengkujuh yang melanda beberapa negeri tahun ini.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
19.	Stok bekalan makanan cukup LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan stok bekalan	Harian Metro	Klik pada tajuk berita

	makanan pada musim tengkujuh mencukupi untuk keperluan rakyat.		
20.	<u>Mangsa banjir dijamu nasi ayam</u> “JANGAN ingat kami cuma beri mangsa banjir makan nasi dengan sardin, sebaliknya kami sediakan nasi ayam untuk mereka kerana pada saat mereka berduka, mereka diceriakan dengan makanan enak.	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Johor seeks to reassure villagers amid rumours of Sembrong dam bursting</u> The Johor government has attempted to allay fears that four villages in the central area of the state are under threat of being submerged by flood waters, following recent structural damage to the nearby Sembrong dam.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Yet another landslide at Penang's Jalan Paya Terubong, no injuries reported</u> A small section of the slope along Jalan Paya Terubong, about 1.6km from the location of the Bukit Kukus landslide that claimed nine lives last month, collapsed before dawn today.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Tebing runtuh di Jalan Paya Terubong, laluan masih dibuka kepada umum</u> Kejadian tanah runtuh dilaporkan berlaku di Jalan Paya Terubong, dekat sini, menyebabkan kerja-kerja pembaikan cerun yang sedang dilakukan Jabatan Kerja Raya (JKR) di kawasan itu terpaksa dihentikan sementara.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Tanah runtuh di tebing jalan Paya Terubong</u> Satu kejadian tanah runtuh berlaku di tebing jalan di Jalan Paya Terubong di antara Green Garden/persimpangan Jalan Paya Terubong-Jalan Tun Sardon, dekat sini tengah malam tadi.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Konsultasi dua hala Malaysia-Pakistan / Konsultasi 2 hala Malaysia, Pakistan tahun depan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran

	“Syarikat penyedia elektrik tunggal di Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga terbuka kepada peluang perniagaan dengan Pakistan termasuk dalam tenaga boleh diperbaharui,” katanya.		4
26.	<u>Planetarium Melaka tak selamat?</u> Kerajaan negeri mengarahkan bangunan Planetarium Melaka yang terletak di tengah-tengah Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dikosongkan selepas insiden dinding dalam bangunan runtuh, kelmarin.	Sinar Harian	Rujuk lampiran 5
27.	<u>Malaysia and Pakistan are set to build stronger ties</u> They underpinned their shared desire to strengthen bilateral economic ties, expand trade and investment, create favourable conditions for commerce and business in both countries, particularly in palm oil, agricultural products, food retail, halal products, automotive parts, energy, science and technology, and telecommunication.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Sampah bukan harta pusaka anak cucu</u> ISU sampah ini bukanlah satu perkara baharu dan bukan sahaja tertumpu di negara kita. Isu sampah telah menjadi satu isu global.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Hentikan bantahan pusat sembelihan</u> Pengerusi G3PM, Datuk Seri Rosli Sulaiman mendakwa, projek itu sepatutnya disokong kerana kemampuan untuk menguruskan penyembelihan secara sistematik dalam persekitaran yang bersih dan tidak menyebabkan pencemaran.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Be decisive with plastic ban</u> THE European Union and New Zealand recently decided to ban single-use plastic within three years and six months respectively. They are following Bangladesh, China, Israel, South	The Star	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 6

	Africa, Netherlands, Morocco, Kenya, Mauritania, Sri Lanka, Papua New Guinea, Vanuatu, Albania and Georgia.		
31.	<u>Plastic bags to cost 50sen from Jan 1</u> The 20sen charged for each plastic bag will increase to 50sen in Penang effective Jan 1 next year.	The Star	Rujuk lampiran 7
32.	<u>Jalan ke Balik Pulau ditutup akibat tanah runtuh</u> Hujan berterusan sejak pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan mengalami banjir kilat selain tanah runtuh di Jalan Paya Terubong menuju ke Balik Pulau.	Harian Metro	Rujuk lampiran 8
33.	<u>First bilateral consultation in Islamabad next year</u> Malaysia and Pakistan will convene the first Bilateral Consultation in Islamabad next year.	New Straits Times	Rujuk lampiran 9
34.	<u>Pulau Pinang pula dilanda banjir kilat selepas hujan lebat</u> Beberapa kawasan rendah di bahagian pulau di negeri ini dinaiki air ekoran hujan lebat berterusan selama hampir tiga jam semalam.	Kosmo!	Rujuk lampiran 10
35.	<u>Mangsa banjir terima bantuan khas kerajaan negeri RM500</u> Kerajaan negeri meluluskan bantuan khas sebanyak RM500 kepada setiap 302 keluarga di daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah yang terjejas akibat banjir pada Isnin lalu.	Kosmo!	Rujuk lampiran 11
36.	<u>New technology governance vital for cross-sector benefits</u> The increasing speed of connectivity, growing intelligence of computer hardware and increased efficiency of manufacturing processes in beneficial for consumers and manufactures.	New Straits Times	Rujuk lampiran 12
37.	<u>Rumah Solar Mizan tampil tujuh inovasi terkini</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 13



	Pertandingan Solar Decathlon Middle East (SDME) 2018 telah dibuka secara rasmi oleh Pemerintah Dubai, Syeikh Mohammed Rashid Al Maktoum di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.		
38.	<u>Julang nama negara di Croatia</u> Pasukan inovasi Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak mengharumkan nama negara apabila meraih pingat emas, perak dan anugerah khas Romania pada Pertandingan International Invention Show (INOVA) 2018 di Zagred, Croatia, baru-baru ini.	Berita Harian	Rujuk lampiran 14
39.	<u>Bangga dapat wakil Malaysia ke Osaka</u> Pasukan Inovasi dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gombak Setia dan Kolej Vokasional (KV) Kuantan akan mewakili negara ke Osaka, Jepun tahun hadapan selepas muncul juara dunia pada Pertandingan World Robotics (WRC) 2018, peringkat kebangsaan, baru-baru ini.	Berita Harian	Rujuk lampiran 15
40.	<u>Clean-Up dive at Tioman</u> To mark the third International Year of the Reef, Zulkifly Ab Latif joins in one of three International Coastal Clean-Up Day events in the country.	New Straits Times	Rujuk lampiran 16
41.	<u>Imbas kad dapat mata ganjaran</u> Displin menjadi pengurusan tingkah laku bagi pelajar sama ada di peringkat rendah atau menengah.	Harian Metro	Rujuk lampiran 17



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
42.	<u>The 467 hazards of climate change</u> It reveals 467 ways in which human health, food, water, economy, infrastructure and security already have been affected by multiple climatic changes, including warming, drought, heatwaves, wildfires, precipitation, floods, storms, sea level rise and changes in land cover and ocean chemistry.	Cosmos	Klik pada tajuk berita
43.	<u>Nasa probes 'drug-free' policies at SpaceX, Boeing</u> The US space agency has ordered a sweeping safety review of operations and workplace culture, including drug-free policies, at Boeing and SpaceX, two companies working to send astronauts to space, US media said.	The Star	Rujuk lampiran 18
44.	<u>US mulls curbing artificial intelligence exports for safety</u> The administration of US President Donald Trump is exploring curbing exports of sensitive technologies including artificial intelligence for national security reasons, according to a proposal this week.	The Star	Rujuk lampiran 19
45.	<u>6 kilogram sampah ditemui dalam perut paus terdampar di Indonesia</u> Seekor paus sperma ditemui mati di Indonesia bersama 115 cawan plastik dan 25 beg plastik di dalam perutnya, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan aktivis alam sekitar dan mencerminkan masalah sampah di negara berkenaan.	Kosmo!	Rujuk lampiran 20
46.	<u>Enam kilogram sampah dalam perut paus</u> Botol dan beg plastik antara sisa sampah yang ditemui dalam perut bangkai seekor paus	Sinar Harian	Rujuk lampiran 21



	sperma yang ditemui mati berhampiran Taman Negara Wakatobi di tenggara Sulawesi, kelmarin.		
47.	<u>Dead sperm whale found with 6kg of plastic in stomach</u> Plastic items from a sperm whale's belly are seen in Wakatobi, southeast Sulawesi, after 115 plastic cups and 25 plastic bags were found in its stomach, raising concern among environmentalists and throwing the spotlight on the country's rubbish problem.	Malay Mail	Rujuk lampiran 22

LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 42
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

TNB terima pengiktirafan atas kestabilan alam sekitar

KOMITMEN Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sebagai warga korporat yang bertanggungjawab diiktiraf Jabatan Alam Sekitar.

Penghargaan itu disampaikan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Persekitaran dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah kepada Pengurus Besar Kanan, Peraturan dan Jabatan

Perancangan, Bahagian Strategik dan Pengawalseliaan TNB, Ismail Abd Rahman.

Dalam satu kenyataan, memaklumkan ia sebagai sebahagian langkah berterusan untuk meminimumkan kesan alam sekitar dan melindungi kesejahteraan komuniti juga biodiversiti di mana TNB beroperasi.

Utiliti elektrik negara telah dimasukkan ke dalam Polisi Alam Sekitar dan Dasar Hijau sebagai



Ismail menerima sijil penghargaan atas sumbangannya terhadap kemapanan alam sekitar.

panduan tenaga kerja.

Ia juga telah gabungkan prinsip pengurusan alam sekitar yang baik

dengan mengamalkan amalan mampan, operasi cekap dan penggunaan teknologi hijau.

LAMPIRAN 2

THE STAR (NEWS): MUKA SURAT 2

TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)



Khalid (centre, in orange tie) cutting a straw to mark the seminar's launch. With him are (back row, from left) Federal Territories Ministry deputy secretary-general (planning and development) Datuk M. Noor Azman Taib, Kuala Lumpur mayor Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, Federal Territories Ministry secretary-general Datuk Seri Adnan Md Ikshan, Putrajaya Corporation president Datuk Dr. Aminuddin Hassim and Federal Territories Ministry strategic development section secretary Lokman Jamaan. — Photos: M. AZHAR ARIF/The Star and courtesy of China Press

Going plastic-free by 2020

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

THE Federal Territories (FT) is hoping to go plastic-free by 2020 by making it the norm to use biodegradable products such as bags, food containers and straws, says FT Minister Khalid Abdul Samad.

"We are doing what we can to protect and create a more sustainable environment. We are looking into implementing this matter seriously with all parties involved, including traders and consumers," he said.

"We hope to come to a stage where consumers do not patronise shops that do not offer biodegradable products, as they are aware and understand the implications of plastic products on the environment."

Khalid said this after launching a seminar on "Coordination and Enforcement on the Use of Biodegradable Products in the Federal Territories" at Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.

"The ministry, through its FT Green Technology Action Plan, is focusing on implementing the use of biodegradable products in Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan," said Khalid in his speech.

"The Cabinet had decided in July 2018 that the use of biodegradable and compostable products would be continued and enforced in the Federal Territories."

"Various awareness and engagement programmes have been held with the public and industry players to create awareness and highlight the programme's importance, such as the impact on the environment, public health and waste disposal."

The FT Ministry banned the use of plastic bags and polystyrene food packaging in January last year, with enforcement on the use of 100% biodegradable bags and food containers kicking off in September the same year.

The 100% biodegradable bags have the ministry's "biodegradable" stamp and "eco-label stamp" by Sirim.

However, some businesses flouted the rule by opting for the much cheaper and regular hydrocarbon plastic bags, or substandard or fake

FT Ministry wants use of biodegradable bags, food containers and straws to be the norm

biodegradable bags.

Business owners in Kuala Lumpur found flouting the ruling would face a maximum RM1,000 compound under the Local Government Act 1976, among other by-laws, and risked getting their businesses shut down or licences revoked.

The ministry will also be banning the use of plastic straws in Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan next year, with enforcement to start in 2020.

"While the policy on use of biodegradable products falls under the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (Mestec), it was decided by the Cabinet that the FT Ministry would continue it as a pilot project since we started the initiative in 2016," said Khalid.

"As the pioneer, we will share our experience, problems faced and lessons learnt with Mestec, so they can better implement it when the policy goes nationwide."

On how the FT Ministry is addressing the issue of fake or sub-standard products, he said its enforcement unit would have to go directly to the plastic manufacturers to ensure they are using the right resins when producing biodegradable products.

"It is a phase that we have to go through since we are already involved in the programme," said Khalid.

"If we can get all of the plastic manufacturing factories to use the right type of resins, then it will be a lot easier on Mestec's part to implement the policy when it comes to the national level."

He added that action, including legal measures or fines, would also be taken against companies found misusing the FT Ministry or Sirim logo when printing the biodegradable products.

For programme details, including a list of biodegradable product distributors and Sirim-certified packaging manufacturers, visit <https://bit.ly/2zq84mr>



The seminar included booths by distributors that sell a wide range of biodegradable food containers, straws and plastic bags.



Visitors making enquiries at a booth by a company that manufactures biodegradable bags certified by Sirim and the Federal Territories Ministry.

LAMPIRAN 3
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 4
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)



DR. MAHATHIR MOHAMAD mengiringi Imran Khan memeriksa barisan kehormatan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja ketika sambutan rasmi di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA

Rundingan dua hala pertama di Islamabad

■ PUTRAJAYA 21 NOV.

MALAYSIA dan Pakistan akan mengadakan perundingan dua hala yang pertama di Islamabad tahun depan ketika kedua-dua negara berusaha untuk meningkatkan keterlibatan ke arah usaha itu.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan yang sedang dalam lawatan ke negara ini mengalu-alukan usaha mengadakan perundingan dua hala antara pegawai kanan kementerian masing-masing sebagai mekanisme untuk meningkatkan keterlibatan antara kedua-dua pihak.

Dalam pertemuan yang membincangkan pelbagai isu dua hala, serantau dan antarabangsa demi kepentingan bersama, kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen untuk mengukuhkan perkongsian yang memenuhi kepentingan kedua-

dua negara.

"Sebagai mencerminkan hubungan ekonomi, komersial dan pelaburan yang telah lama terjalin dan sepadan, kedua-dua pemimpin mengalu-alukan usaha berterusan untuk meningkatkan kerjasama antara Malaysia dengan Pakistan," kata kenyataan bersama yang dikeluarkan sempena lawatan Imran Khan.

Kedua-dua pemimpin menegaskan hasrat bersama untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, memperluaskan perdagangan dan pelaburan, mewujudkan keadaan yang positif bagi perdagangan dan perniagaan di kedua-dua negara, terutama dalam industri minyak sawit, produk pertanian, peruncitan makanan, produk halal, bahagian automotif, tenaga, sains dan teknologi serta telekomunikasi, kata kenyataan itu.

Kenyataan bersama Malaysia-Pakistan itu menyatakan bahawa kedua-dua pihak menaruh hara-

pan bagi mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Pakistan (MPCEPA) dalam masa terdekat dengan hasrat untuk meningkatkan lagi perkongsian ekonomi.

"Dr. Mahathir turut mengulangi komitmen Malaysia untuk membantu Pakistan dalam menangani kekurangan bekalan tenaga, sementara Imran Khan mengalu-alukan kerjasama Malaysia dalam Gas Asli Cecair (LNG) dan sektor tenaga yang lain termasuk hidroelektrik dan tenaga boleh diperbaharui," jelas kenyataan berkenaan.

Dr. Mahathir dan Imran Khan mengulangi tentang pentingnya memorandum persefahaman mengenai Kerjasama Pertahanan dan meletakkan kepada Jawatankuasa Bersama mengenai Kerjasama Pertahanan (JCDC) ke-13 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada tahun depan (2019). - BERNAMA

LAMPIRAN 4
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 2
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Konsultasi 2 hala Malaysia, Pakistan tahun depan

➔ Hubungan ekonomi diperkukuh, galak perdagangan

Oleh Azura Abas, Mohd Husni Mohd Noor, Irwan Shafrihan Ismail dan Hashini Kavishri Kannan
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Malaysia dan Pakistan bersetuju mengadakan konsultasi dua hala yang pertama di Islamabad tahun depan.

Dalam kenyataan bersama, semalam, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Pakistan, Imran Khan menyambut baik penubuhan konsultasi dua hala antara pegawai kanan Kementerian Luar sebagai mekanisme meningkatkan pembabitian antara kedua-dua pihak.


"Dalam menetapkan nada dan arah masa depan hubungan dua hala Malaysia-Pakistan, kedua-dua pemimpin menekankan pentingnya pertukaran lawatan di semua peringkat, bagi memperluas hubungan dua hala," kata kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin juga ingin mengukuhkan hubungan ekonomi dua hala, memperluas dan mewujudkan keadaan yang menggalakkan bagi perdagangan dan perniagaan di kedua-dua negara terutama dalam sektor minyak kelapa sawit, produk pertanian, peruncitan makanan, produk halal, bahagian automotif, tenaga, sains dan teknologi serta telekomunikasi.

"Syarikat penyedia elektrik tunggal di Malaysia, Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga terbuka kepada peluang perniagaan dengan Pakistan termasuk dalam tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Kedua-dua pemimpin juga berharap Mesyuarat Jawatan Kuasa Bersama bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Rapat Malaysia-Pakistan (MPCEPA) dapat diadakan dalam masa terdekat bagi meningkatkan perkongsian ekonomi.

"Malaysia dan Pakistan mengiktiraf kepentingan perbincangan teratur untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan



Dr Mahathir dan Imran ketika sidang media di Putrajaya, semalam.

lam sektor utama dan menangani ketidakseimbangan perdagangan dua hala," katanya.

Berhubung Perjanjian Antara Kerajaan mengenai Gas Asli Cair (LNG) antara Malaysia dan Pakistan yang ditandatangani November 2017, Dr Mahathir mengulangi komitmen Malaysia membantu Pakistan menangani kekurangan tenaga.

Kerjasama dalam LNG

"Dalam hal ini, Imran Khan mengalu-alukan kerjasama Malaysia dalam LNG dan sektor tenaga lain termasuk sumber hidroelektrik dan boleh diperbaharui," katanya.

Selain itu, Pakistan turut berhasrat meneroka kerjasama lebih besar dalam industri berteknologi tinggi bersama Malaysia termasuk memanfaatkan lokasi strategik Malaysia mengembangkan pelaburan mereka ke ASEAN dan Asia Pasifik.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju meningkatkan usaha kolaboratif bagi menegakkan nilai sebenar Islam pada forum antarabangsa dan memperkuat perpaduan umat Islam.

"Kedua-dua pihak mengesahkan komitmen mereka bekerjasama lebih rapat mengenai isu mempengaruhi dunia Islam termasuk mengambil langkah bersama menekankan sensitiviti dalam menyerang personaliti agama dan kepercayaan agama Islam.

"Kedua-duanya menekankan keganasan tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama

atau kepercayaan. Pandangan ditukar kepada keadaan di Palestin dan wilayah Rakhine, Myanmar. Mengenai isu Palestin, dua negara ini bersetuju menyumbang secara positif pada forum lain," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir menyampaikan kesediaan Malaysia berkongsi pengalaman memajukan industri halal.

Imran Khan turut melahirkan minat Pakistan belajar daripada pengalaman dan pencapaian Malaysia dalam usaha menghapuskan rasuah.

Kedua-dua pemimpin turut bersetuju keperluan meningkatkan hubungan pendidikan antara Malaysia dan Pakistan serta mahu kerjasama erat dalam pendidikan serta latihan adalah elemen penting dalam fasa hubungan berikutnya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mencadangkan kepada ASEAN keinginan Pakistan menjadi rakan dialog ASEAN selepas dinyatakan Imran Khan, dalam pertemuan empat mata, semalam.

"Imran Khan pemimpin pertama saya terima untuk kunjungan rasmi ke Malaysia. Malaysia dan Pakistan ada hubungan lama dan rapat, malah kita juga menjalankan perdagangan bersama, namun kami berasakan ada antara masalah dihadapi kedua-dua negara ini adalah sama," katanya pada sidang media bersama di Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Imran Khan tiba di negara ini untuk lawatan kerja dua hari,

diberi sambutan penuh istiadat di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra, di sini. Ketibaan beliau pada jam 9.41 pagi disambut Dr Mahathir sebelum lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Sentuh isu pelaburan

Dr Mahathir berkata, mesyuarat delegasi turut diadakan, yang menyentuh mengenai isu seperti pelaburan langsung asing, peranan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan penswastan, selain kerjasama dalam bidang pertahanan.

Selain itu, beliau berkata, Imran Khan turut menjemputnya sebagai tetamu utama sempena Hari Republik Pakistan pada 23 Mac tahun depan.

Wisma Putra dalam kenyataan kelmarin menyebut, lawatan itu adalah atas jemputan Dr Mahathir dan ia lawatan rasmi sulung Imran Khan ke negara ini sejak dilantik perdana menteri Ogos lalu.

Selain mesyuarat dua hala kedua-dua pemimpin, Dr Mahathir dan Imran Khan dijadual menyaksikan majlis menandatangani Perjanjian Bersama Penghapusan Visa (Separat) antara kerajaan Malaysia dan Pakistan di Pejabat Perdana Menteri.

Pada 2017, jumlah perdagangan dua hala di antara kedua-dua negara dicatatkan pada RM5.76 bilion, peningkatan 3.5 peratus berbanding pada 2016.

Pakistan rakan dagangan ketiga terbesar Malaysia dalam kalangan negara Asia Selatan.

LAMPIRAN 5
SINAR HARIAN (SETEMPAT): MUKA SURAT 34
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Planetarium Melaka tak selamat?

Pemeriksaan awal
dapat terdapat
struktur dinding
berisiko runtuh

NOR FARHANA YAAKOB

MELAKA TENGAH

Kerajaan negeri mengarahkan bangunan Planetarium Melaka yang terletak di tengah-tengah Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dikosongkan selepas insiden dinding dalam bangunan itu runtuh, kelmarin.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Melaka, Datuk Mohd Sofi Abdul Wahab berkata, keputusan itu dibuat selepas pemeriksaan awal mendapati tiga lagi dinding di bahagian tingkat satu turut tidak selamat dan dijangkakan akan mengalami nasib sama biarpun kerosakan itu tidak melibatkan keseluruhan struktur bangunan yang mula beroperasi sejak 2009.

Menurutnya, pakar forensik dari Jabatan Kerja Raya (JKR) akan membantu mengenal pasti dan membuat analisis berhubung struktur bangunan berkenaan sama ada ia selamat atau tidak boleh digunakan dan keputusan siasatan terperinci itu akan diperoleh secara rasmi dalam tempoh seminggu selain laporan Bomba dan Penyelamat Melaka.

"Insiden dinding yang runtuh berlaku di ruang tengah pameran dan tidak mengakibatkan kecederaan kepada sesiapa. Bagi pihak kita, memang kita tidak benarkan (beroperasi) sehingga sama ada nak diperbaiki atau sehingga kita buat pemeriksaan.



Muhammad Jailani (kanan) dan Mohd Ariff Shah menunjukkan buku pelan perancangan 'Galaxy World Melaka' membangunkan semula Planetarium Melaka.

"Kakitangan juga kita tak benarkan berada di sini, saya rasa untuk kita (teknikal JKR) ia melibatkan nyawa, kita akan tetap tidak benarkan melihat kepada aspek teknikal dan keselamatan," katanya.

Mohd Sofi berkata demikian kepada pemberita meninjau lokasi dinding Planetarium Melaka runtuh, semalam.

Hadir sama Ketua Penolong Pengarah Pembangunan JKR Melaka, Mohd Shahrizaman Silah; Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Penolong Penguasa Bomba Mohd Hamdan Sudin dan Jurutera Daerah JKR Melaka Tengah, Ismail Abd Rahman.

Katanya, beliau yakin JKR akan menyiapkan segera laporan berkenaan dan keputusan menutup sementara lokasi itu bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan berlaku.

Bincang bersama pihak pengurusan

Dalam pada itu, hasrat untuk menghentikan sementara operasi Planetarium Melaka telah dibincangkan bersama pihak pengurusan berkenaan.

Exco Pelancongan Warisan dan

Kebudayaan Melaka, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, ia dilakukan setelah tinjauan dan pemerhatian beliau bersama Ketua Pegawai Eksekutif Planetarium Melaka Sdn Bhd, Datuk Mohd Ariff Shah Abdullah Sani bahawa pusat pelancongan berasaskan pendidikan itu tidak lagi selamat sejak dua bulan lalu.

Menurutnya, sebelum itu juga beliau telah merancang pelan untuk mentransformasikan Planetarium dengan pelbagai pengisian yang lebih menarik dan penambahan ruangan pendidikan termasuk meneruskan perancangan pembinaan 'snow world' di ruang dalam bangunan yang mana bangunan tersebut akan berkonsepkan 'Galaxy World Melaka'.

Katanya, selain sebagai pusat pelancongan negeri ini, perancangan yang dijangka menelan kos pembinaan RM200 juta itu akan menjadi akses kepada pas pelancongan bersepadu yang mana kemudahan itu diharapkan siap menjelang tahun 2020.

"Syukur kerana benda itu berlaku pada masa cuti dan tidak ada kakitangan dalam bangunan itu,



Mohd Sofi melihat keadaan dinding bangunan Planetarium Melaka yang runtuh.

memang perancangan untuk kita tutup sementara sehingga bangunan itu dapat dibaik pulih.

"Bila kerajaan PH ambil alih, ia sebenarnya projek gajah putih kerajaan terdahulu, matlamat (Planetarium) bagus tapi pelaksanaan tak bagus, ada fakta-fakta yang kita dapati tidak dikemaskini seperti planet Pluto yang masih lagi dipamerkan dalam galaksi planet, audit dan sebagainya," katanya.

Muhammad Jailani berkata, projek yang akan dijalankan dengan kolaborasi syarikat swasta itu akan menunggu laporan daripada pihak berkenaan sama ada ia perlu dirubuhkan atau dibina baharu mahupun sebaliknya.

Katanya, bukan untuk memburukkan kerajaan terdahulu, namun hakikatnya apa yang berlaku selepas PH mengambil alih pihaknya turut menanggung bangunan-bangunan gajah putih yang mencatatkan kerugian setiap bulan hingga menyebabkan kurang penyelenggaraan.

"Bukan saya nak memburukkan kerajaan terdahulu, tapi hakikatnya dan mengalami kerugian, belum lagi dengan laporan audit, malah tiada

PLANETARIUM MELAKA

■ Planetarium Melaka merupakan sebuah bangunan yang terletak di Ayer Keroh, Melaka, di mana ia berada bersebelahan dengan bangunan Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

■ Planetarium Melaka telah dirasmikan oleh bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam pada 10 Ogos 2009. Planetarium ini merupakan planetarium kedua di Melaka selepas Kompleks Falak Al-Khwarizmi di Masjid Tanah. Sumber: Wikipedia

keuntungan dan sebagainya.

"Selain itu saya juga harap jangan ada yang cuba masuk, ataupun melakukan vandalisme kerana saya rasakan keseluruhan bangunan itu tidak lagi selamat," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan Sinar Harian di sekitar luar bangunan itu seolah-olah ia telah lama tidak diselenggarakan dengan baik sehingga mencatatkan pemandangan termasuk sampah sarap di merata tempat, keadaan jubin di bahagian tangga yang tercabut dan beberapa bahagian yang terdapat air bertakung berwarna hitam dan berlumut.

Kerajaan negeri rancang suastakan Planetarium

Sementara itu, Ketua Menteri, Adly mengukir sejak insiden Planetarium terbakar telah timbul beberapa isu dari segi penyelenggaraan, isu struktur bangunan dan banyak lagi.

"Sebenarnya kerajaan negeri mahu membangunkan Planetarium itu dan ada pihak swasta berminat, kita akan buat perbincangan dan rancang untuk terus diwujudkan.

"Bagaimanapun isu struktur isu utama dan berdasarkan laporan audit dahulu memang ia akan dinilai," katanya.



Air hitam yang bertakung dan sampah sarap di bahagian parkir bangunan itu.



Jubin yang terdapat di bahagian depan Planetarium yang terbuka dan pecah.

LAMPIRAN 6
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 33
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Be decisive with plastic ban

THE European Union and New Zealand recently decided to ban single-use plastic within three years and six months respectively. They are following Bangladesh, China, Israel, South Africa, Netherlands, Morocco, Kenya, Mauritania, Sri Lanka, Papua New Guinea, Vanuatu, Albania and Georgia.

Bangladesh was the first country to impose the ban in 2002. Kenya started the ban in 2017 and has the toughest laws at reducing this scourge which includes imprisonment and heavy fines.

Some other countries impose a tax on single-use plastic bags. In total, 40 countries have a total ban or a tax on plastic.

Malaysia, too, has a ban in place with the Roadmap Towards Zero Single-Use Plastic but this would not be fully implemented until 2030, 12 years from now, which is much too long.

By 2030 or even earlier, we may very likely be one of the very last countries to have this total ban and be the oddity and recalcitrant among the nations of the world.

Starting next year, all states can individually decide on the implementation of a minimum charge of 20 sen for each plastic bag between the period of 2019 and 2021.

It's only at end of this period that a nationwide charge is imposed.

Some states may not implement it to maintain



populist or partisan politics. A ridiculous farce may happen where plastic bags are brought in from states with no charges to states where the plastic bags are charged, to be sold.

There is a clear 20 sen profit or more to be made.

Most of the countries that have banned or put a tax on plastic implemented the law in a short time.

In Kenya, six months' notice was given before ban took effect, and most Kenyans adapted quickly and are happy about the ban. New Zealand has adopted the six months' time frame as well.

The EU with their diversity of nations, nationalities, culture, laws and wealth have only given

themselves three years. They have taken the plastic menace to the environment seriously, and they know that the cost of not taking prompt decisive action far outweighs the cost of providing landfills, cleaning up, and health-care in the future.

Our government must shorten the 12-year time frame for the total ban of plastic.

Instead of the three years of voluntary charges for plastic bags by the states, make it mandatory nationwide at 50 sen per bag beginning next year. Research has shown that countries imposing such taxes have been effective in substantially reducing the amount of plastic waste.

Alternatives to single-use plastic bags, straws, cups and cutlery are already available in Malaysia. Businesses and factories for these alternatives are already up and running and waiting to expand.

This is a migration of one business to another rather than just a total loss of the plastic industry.

We are most probably setting ourselves up for an environmental fiasco in adopting a 12-year timeframe. Apart from being one of the last countries to ban plastic, we will be laggards in the new green circular economy and a wasteland for plastic.

KOO WEE HON

LAMPIRAN 7
THE STAR (EVENTS): MUKA SURAT 12
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Plastic bags to cost 50sen from Jan 1

THE 20sen charged for each plastic bag will increase to 50sen in Penang effective Jan 1 next year.

This is the first increase since the "No Free Plastic Bag" was introduced by the state government in 2009.

Penang Welfare, Caring Government and Environment Committee chairman Phee Boon Poh (PH-Sungai Puyu) (*pic*) said the thickness of the plastic would also be increased from 15 microns to 40 microns.



"This is in line with the state government's policy of 'No Free Plastic Bag' and 'No To Single Use Plastic' which will begin on Jan 1, 2019," said Phee in his winding up speech at the state legislative assembly.

The state-level 'No to Plastic Straws' campaign will also begin in phases from Jan 1 next year.

"For now, the state through the Penang Green Council (PGC) is creating awareness among restaurant owners and traders by disseminating information and encouraging them to join in the campaign," he said.

Phee added that the State Economic Aid Programme was a success with many poor families receiving aid under the Program Agenda Ekonomi Saksama (AES).

"Since the programme began in March 2009, the state has given out RM30.85mil to 955 people until October this year," he added.

On the programme for senior citizens, Phee said a centre for the homeless has been set up in Pengkalan Kota, to be managed by a non-governmental organisation.

He said the state has given a RM359,100 grant for the centre's administration and another RM201,600 for skills training.

LAMPIRAN 8
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 16
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)



KEADAAN lokasi tanah runtuh di Jalan Paya Terubong antara Green Garden, Persimpangan Jalan Paya Terubong dan Jalan Tun Sardon.

Georgetown

Jalan ke Balik Pulau ditutup akibat tanah runtuh

Hujan berterusan sejak pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan mengalami banjir kilat selain tanah runtuh di Jalan Paya Terubong menuju ke Balik Pulau.

Difahamkan, hujan bermula sejak jam 8 pagi hingga jam 4 petang itu menyebabkan kawasan Teluk Kumbar, Balik Pulau, Teluk Bahang dan Bayan Lepas dilanda banjir kilat.

Tanah di Persimpangan Jalan Paya Terubong-Jalan Tun Sardon ke Balik Pulau/Relau dikesan runtuh jam 3 petang dan setakat lewat petang semalam, laluan itu ditutup kepada pengguna jalan raya bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Selain itu, hujan lebat juga

menyebabkan berlaku fenomena kepala air di kawasan rekreasi Air Terjun Titi Kerawang, Teluk Bahang.

Seorang penduduk, Nur Syazwani Ghazali, 29, berkata, dia terkejut apabila melihat air naik 0.3 meter ketika mahu pulang dari tempat kerjanya.

Menurutnya, ketika itu dia sedang memandu pulang dari tempat kerjanya di sebuah sekolah di Bayan Baru ke Balik Pulau dan melalui jalan di Teluk Kumbar.

"Sebaik tiba di Teluk Kumbar, saya lihat beberapa jalan dinaiki air separas buku lali dan ada pemilik kenderaan terpaksa menolak kereta mereka yang rosak di tengah jalan," katanya.

LAMPIRAN 9
NEW STRAITS TIMES (NEWS): MUKA SURAT 4 & 11
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

First bilateral consultation in Islamabad next year

PUTRAJAYA: Malaysia and Pakistan will convene the first Bilateral Consultation in Islamabad next year.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad and Pakistani Prime Minister Imran Khan welcomed the setting up of the Bilateral Consultation between senior officials of both countries' Foreign Affairs Ministry to intensify engagements.

"In setting the tone and future direction of bilateral relations between the two countries, both leaders stressed the importance of exchanges of visits at all levels, with a view to further expand the depth of bilateral relations," said both leaders in a joint statement yesterday.

Reflecting longstanding and substantial economic, commercial and investment ties, both leaders welcomed continued efforts to intensify cooperation be-

tween Malaysia and Pakistan.

They underpinned their desire to strengthen bilateral economic ties, expand trade and investment, create favourable conditions for commerce and business in both countries, particularly in palm oil, agricultural products, food retail, halal products, automotive parts, energy, science and technology and telecommunications.

Both leaders welcomed efforts to enhance bilateral economic relations and underscored the importance of these efforts in advancing cooperation.

On the Inter-governmental Agreement on Liquefied Natural Gas (LNG) signed last November, Dr Mahathir reiterated Malaysia's commitment to help Pakistan address its energy shortfall.

Imran welcomed Malaysia's cooperation in LNG and other energy sectors, including hydroelectric and renewable resources.

The statement said Tenaga Nasional Bhd was open to business opportunities in Pakistan, including in renewable energy.

"Recognising Malaysia's success in the high-tech industry hub in the northern state of Penang, Pakistan had highlighted its intention to explore greater collaboration between high-tech industries in Malaysia and Pakistan.

"Malaysia invited Pakistani companies to invest in manufacturing and services sectors, where the companies are able to leverage Malaysia's strategic location in expanding their investments into Asean and Asia-Pacific regions.

"Pakistan invited Malaysian companies to explore the possibility of investing in Special Economic Zones to take advantage of Pakistan's strategic location at the crossroads of Central, South

>> Turn to Page 11

Imran lauds Malaysia's smooth power transition

>> From Page 4

and West Asia."

Imran is on a two-day official visit to Malaysia, beginning Tuesday, at the invitation of Dr Mahathir. The leaders held in-depth discussions.

Imran congratulated Dr Mahathir on his electoral victory and commended the smooth and peaceful transition of power.

Dr Mahathir congratulated Imran on his election as prime minister and wished Pakistan greater progress in development under the new government.

Both leaders acknowledged the long history of close cooperation between both countries since Malaysia's independence.

"The Malaysian side recalled the contribution by Justice Abdul Hameed of Pakistan, member of the Reid Commission, in the drafting of the Malaysian Constitution."

Both leaders reaffirmed the importance of the memorandum of understanding on defence cooperation and looked forward to the 13th Joint Committee on Defence Cooperation, which will convene next year in Kuala Lumpur.

Malaysia invited Pakistan to the Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition next year, and Pakistan welcomed Malaysia's participation in the upcoming Defence Expo IDEAS-2018.

Malaysia took note of the massive counterterrorism efforts that Pakistan has successfully undertaken.

Recognising Malaysia's efforts in eliminating corruption, Imran expressed Pakistan's interest in learning from Malaysia's experience and accomplishments.

As two peace-loving Islamic nations, the two leaders agreed to increase collaborative efforts to uphold the true values of Islam internationally, while strengthening the solidarity of the ummah.

They reaffirmed their commitment to working more closely on issues affecting the Muslim world, including joint efforts in underscoring Muslim sensitivities in attacking Muslim holy personalities and religious beliefs.

Imran invited Dr Mahathir to visit Pakistan, which he accepted. The dates of the visit will be coordinated through diplomatic channels.

LAMPIRAN 10
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 12
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Pulau Pinang pula dilanda banjir kilat selepas hujan lebat

BALIK PULAU - Beberapa kawasan rendah di bahagian pulau di negeri ini dinaiki air ekoran hujan lebat berterusan selama hampir tiga jam semalam.

Tiga kawasan terjejas dalam kejadian pukul 3.30 petang itu iaitu di sekitar Bayan Lepas, Bayan Baru dan Teluk Kumbar di sini apabila dinaiki air sedalam hingga 0.6 meter.

Antara kawasan dinaiki air di Bayan Lepas ialah kawasan pekan, Kampung Binjai, Kampung Seronok, Kampung Padang, Kampung Baroh, Kampung Bukit dan Jalan Kolam Ikan.

Di Bayan Baru pula di Jalan Persiaran Mayan Pasir, Jalan

Dato Ismail Hashim, Jalan Sultan Azlan Shah dan Kampung Naran.

Kawasan terjejas di Teluk Kumbar termasuklah Kampung Paya, Kampung Masjid, Kampung Sulup, Kampung Matahari Naik, Kampung Nelayan, Rumah Murah Kampung Nelayan, Kampung 14 dan Perda.

Sementara itu, setakat pukul 7 petang semalam, seramai 33 mangsa daripada sembilan keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara Surau Haji Hashim Bukit Kecil, Sungai Pinang di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerja Raya, Utiliti dan

Tebatan Banjir negeri, Zairil Khir Johari dalam satu kenyataan berkata, kejadian banjir kilat berlaku apabila kawasan berkenaan mengalami hujan lebat dalam masa yang singkat.

"Hujan lebat dicatatkan purata 50.5 milimeter sejam sehingga menyebabkan beberapa kawasan rendah dinaiki air termasuklah limpahan Sungai Bayan Lepas dan Sungai Pinang, Bayan Baru berlaku," katanya.

ANGGOTA bomba membantu memindahkan mangsa banjir selepas rumah mereka dinaiki air di Bukit Kecil, Sungai Pinang, Balik Pulau semalam.



LAMPIRAN 11
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 12
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Mangsa banjir terima bantuan khas kerajaan negeri RM500



BEBERAPA penduduk menjemur tilam selepas kejadian banjir kilat di Kampung Belimbing Dalam, Alor Gajah semalam.

MELAKA – Kerajaan negeri meluluskan bantuan khas sebanyak RM500 kepada setiap 302 keluarga di daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah yang terjejas akibat banjir pada Isnin lalu.

Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari berkata, bantuan secara one-off itu melibatkan peruntukan sebanyak RM151,000 yang akan diagihkan kepada mangsa terlibat dalam masa terdekat.

“Kita bersetuju setiap keluarga akan menerima RM500. Hari ini (semalam) kita telah luluskan dan paling cepat mereka akan terima esok (hari ini).



KERATAN Kosmo! semalam.

Mengeluh penat bersihkan rumah

“Bantuan ini akan disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan kita mengharapkan mereka supaya mendaftar dengan JKJ di pusat pemindahan dan membuat laporan polis sebagai pengesahan bencana,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di Ayer Keroh di sini semalam.

Setakat pukul 4 petang semalam, jumlah mangsa banjir di Alor Gajah terus menurun kepada 274 orang daripada 74 keluarga.

Tiga pusat pemindahan di daerah berkenaan mula ditutup dan mangsa dibenarkan pulang berikutan banjir kilat yang berlaku di negeri ini mulai surut.

Hanya sebuah pusat pemindahan masih aktif iaitu di Sekolah Kebangsaan Belimbing Dalam yang menempatkan 274 mangsa.

Kebanyakan mangsa banjir yang pulang dilihat sibuk membersihkan rumah masing-masing.

LAMPIRAN 12
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 24
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)



MADANI
SAHARI

New technology governance vital for cross-sector benefits

THE increasing speed of connectivity, growing intelligence of computer hardware and increased efficiency of manufacturing processes is beneficial for consumers and manufacturers.

It means the lives of the human race are further enriched by new technologies that provide new dimensions of products and services which were not possible before.

The advent of such technology should not be feared or rejected. However, the structured development and governance of such technologies is key to spur a transition from a labour intensive economy to an economy that is based on a critical mass of talent who is well-versed in technology.

Within the automotive industry, the Malaysia Automotive Institute (MAI) has executed Industry 4.0 programmes since 2014 through the MAI Intelligent Technology Systems (MITS) initiative.

MITS provides the local industry with the necessary infrastructure and technology foundations in ensuring timely developmental goals in line with Industry 4.0. It is housed in MAI's headquarters as well as centres of excellence — MAI Design Centre (MAIDC), MAI Resource Centre (MAIRC) and National Emissions Test Centre (NETC).

With more than 500 companies utilising and benefiting from the

MITS initiatives, we have learned that the development of smart mobility applications should start with a strong foundation in the areas of Advanced Manufacturing and Advanced IT.

The two areas above manifest through deployment of robotics and utilisation of the Internet of Things (IoT).

They are integrated to create a manufacturing and service ecosystem that allows mass customisation and has the wisdom to gather data and information in order to operate autonomously.

The mastery of the disciplines form a holistic system — an intelligent, data-driven, accurate and cost-effective solution to fulfil customer demands and ensure that businesses can adapt to future technology.

Furthermore, technology investments are long-term investments. In order to ensure investors' confidence in maintaining long-term commitment to industry development, it must be smartly procured through sound business models and talent development.

The International Federation of Robotics forecasts a US\$70 billion (RM293.31 billion) market size for the robotics sector by the year 2025.

McKinsey Global Institute forecasts a global IoT value between US\$3.9 trillion and US\$11.1 trillion

within the same timeframe.

These trends demonstrate the importance of Industry 4.0 readiness — competitiveness of businesses would depend highly on new industrial technologies and data-driven product strategies.

For example, in today's vehicles, sensors in the engine system are already logging engine operating conditions, vehicle usage and driver input through the vehicle's Electronic Control Unit (ECU).

A simple device connected to the cloud would allow data from millions of vehicles on the road to be used by car manufacturers, government regulators, safety engineers, or even environmental conservation experts to create safer and more efficient engines.

Each car can now be customised at the factory using smart autonomous robots that produce customised engines, each tuned to the needs of the specific customer.

This means each product on the road is optimised for performance, fuel efficiency and safety of individual drivers, and not based on blanket specifications at a macro level.

If such intelligence can be expanded to each component of the vehicle, the potential benefits of mass customisation would be limitless.

More importantly, the applica-

tion of robotics and IoT is not limited to smart mobility and manufacturing only.

They are also applicable in many other industries, including aerospace, agriculture, healthcare, oil and gas, and defence.

The recent announcement of Industry4WRD is an important step in ensuring the alignment between the industry, the government and the academia takes place — to ensure necessary regulations, business structure, talent pool and eco-systemic mindset moves beyond Industry 4.0 compliance and allows the nation to thrive within it.

A cross-sectoral alignment to the above is key to maximise the benefits of smart mobility, robotics, IoT and the full breadth and depth of Industry 4.0 elements.

Each industry provides its own angle to the business and talent development within the transition to an advanced, technology based economy.

With coordinated governance and business strategy development, perhaps the massive challenges we face in order to move to the next phase will not be as burdensome after all.

The writer is the chief executive officer of Malaysia Automotive Institute.

In order to ensure investors' confidence in maintaining long-term commitment to industry development, it must be smartly procured through sound business models and talent development.

LAMPIRAN 13
UTUSAN MALAYSIA (MALAYSIA KITA): MUKA SURAT 37
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Rumah Solar Mizan tampil tujuh inovasi terkini



PESERTA Rumah Solar Mizan USIM-UTM bergambar selepas majlis perasmian SDME 2018 di Dubai, UAE baru-baru ini.

PERTANDINGAN Solar Decathlon Middle East (SDME) 2018 telah dibuka secara rasmi oleh Pemerintah Dubai, Syekh Mohammed Rashid Al Maktoum dalam majlis penuh gemilang di Tapak Solar Syekh Mohammed bin Rashid Al Maktoum di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) baru-baru ini.

Pada majlis ini juga, kesemua 15 peserta yang menjadi finalis SDME 2018 termasuk Rumah Solar Mizan selaku wakil tunggal Malaysia dan Asia Tenggara diperkenalkan secara rasmi kepada para hadirin.

Kriteria utama yang perlu diikuti peserta SDME ialah rumah pintar yang dibina perlu beroperasi sepenuhnya menggunakan tenaga solar selain perlu disesuaikan untuk menghadapi cabaran suhu panas, habuk dan kelembapan yang tinggi di Dubai.

Justeru, sebanyak tujuh inovasi menggunakan teknologi terkini ditampilkan pada Rumah Solar Mizan USIM-UTM dalam SDME ini.

Rekaan Rumah Tiga Lapisan
Bagi menghalang kesan ribut pasir pada kediaman, rekaan rumah mengintegrasikan konsep *Mashrabiya* yang diinspirasi dari mata unta yang mempunyai tiga kelopak mata yang memberi



RUMAH Solar Mizan USIM-UTM yang siap dipasang untuk SDME 2018.

perlindungan pada matanya semasa ribut pasir.

Konsep itu diterapkan pada rumah ini dengan penanaman pokok berdaun sebagai lapisan pertama, diikuti pelindung atau bidai cahaya matahari bermotifkan bunga tabur songket Melayu dan lapisan ketiga adalah pintu serta tingkap khas yang tahan suhu tinggi, tekanan angin, habuk dan haba.

Teknologi Grey Water System

Sistem penapisan air berteknologi nano yang mengitar semula air yang telah digunakan di dalam rumah menjadi bebas bakteria untuk digunakan semula untuk pelbagai tujuan seperti

berwuduk (air mutlak) dan minuman.

Pendebat Dinding Organik

Mengurangkan kesan haba panas luar dirasai di dalam rumah, pendebat dinding yang digunakan diperbuat daripada sisa bahan buangan pokok kelapa sawit seperti daun dan batang pelepahnya. Pendebat dinding daripada bahan semula jadi apabila dikomersialkan boleh memberi pendapatan tambahan kepada para peladang selain bergantung pada hasil sawit.

Ice Storage System

Inovasi terkini dalam sistem penyejukan rumah kediaman yang kali pertama diperkenal

dan dipasang pada Rumah Solar Mizan untuk uji cuba.

Melalui sistem ini, alat pendingin hawa menyejukkan ruang dalam kediaman menggunakan gas atau wap sejuk dari ais yang disimpan dalam tangki khas mengikut keperluan penghuni. Kitaran ini menjadikan penggunaan tenaga yang lebih rendah dan lestari berbanding pendingin hawa konvensional

Sistem Tenaga Hibrid

Panel solar khas akan menyimpan tenaga elektrik yang dijana dari matahari dalam bateri khas sebelum diagihkan ke sistem grid utama Rumah Solar Mizan. Melalui teknologi ini, ia akan meminimumkan penggunaan elektrik yang dibekalkan oleh pihak penyedia bekalan elektrik.

Aplikasi Smart Home

Mengawal sistem elektronik seperti pencahayaan lampu kediaman dan alat-alat elektrik lain hanya pada hujung jari sahaja dan ia boleh dilakukan di mana-mana tanpa dibatasi oleh jarak lagi.

Rumah ini juga dilengkapi dengan sistem audio automatik untuk azan bagi setiap waktu solat dan doa tertentu contohnya apabila sensor mengesan penghuni ingin masuk dan keluar dari kediaman atau menggunakan

bilik air.

Inovasi Pembinaan Modular Cage

Inovasi ini membolehkan sesebuah kediaman dapat disiapkan lebih cepat iaitu mengambil masa sekitar 14 hari sahaja apabila reka bentuk rumah dibahagikan kepada rangka asas tertentu dan digabungkan secara bersama di tapak projek.

Setelah melalui tempoh masa pembinaan yang mencabar selama 14 hari seperti yang ditetapkan oleh penganjur SDME iaitu Dubai Electricity and Water Authority (DEWA), kini ia memasuki fasa kedua yang lebih menedebarkan iaitu penilaian panel juri yang bermula dari 18 hingga 22 November sebelum keputusan rasmi diumumkan dalam satu majlis khas pada 28 November.

Projek Rumah Solar Mizan adalah kolaborasi strategik kepakaran dua buah universiti awam iaitu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai universiti peneraju bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), sebagai menjadi wakil tunggal Malaysia dan Asia Tenggara, dalam pertandingan anjuran DEWA untuk merebut hadiah keseluruhan bernilai RM11.4 juta (AED 10 juta).

LAMPIRAN 14
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 75
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Julang nama negara di Croatia

➦ Inovasi Caco Tiles, raih emas, produk mangoilsteen dapat perak

Oleh Mohd Khairul Anam
Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pasukan inovasi Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak mengharumkan nama negara apabila meraih pingat emas, perak dan anugerah khas Romania pada Pertandingan International Invention Show (INOVA) 2018 di Zagreb, Croatia, baru-baru ini.

Pingat emas dimenangi menerusi inovasi Caco Tiles iaitu jubin berasaskan kulit telur, manakala pingat perak melalui produk mangoilsteen atau penapis air daripada kulit buah manggis.

Pasukan inovasi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) berkenaan terdiri daripada tiga pelajar Tingkatan Empat iaitu Darwish Moktar, Nur Adam Syahmi Samril dan Alia Nurathirah Ibrahim.

Guru pengiring inovasi sekolah itu, Norzaina Zainalabidin, berkata kejayaan membanggakan diraih adalah berdasarkan komitmen berterusan peserta terbabit, di samping berkemungkinan memenuhi kriteria dikehendaki juri pertandingan.

Katanya, kajian produk Caco Tiles berkenaan mula dibangunkan sejak penghujung 2015 dan pernah meraih pelbagai anugerah inovasi



Sebahagian pasukan inovasi yang mewakili Malaysia pada Pertandingan INOVA 2018 di Zagreb, Croatia, baru-baru ini.

pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Produk Caco Tiles ini cukup istimewa kerana menggunakan kulit telur terbuang, malah, sejak 2016 hingga kini, kita sudah melakukan banyak penambahbaikan terutama dari segi komposisi dan ketahanannya.

Anugerah khas

"Bagi saya di samping faktor rezeki, kemenangan sesebuah produk inovasi juga bergantung kepada penilaian juri kerana berdasarkan pengamatan, misalnya negara di Eropah juri lebih menjurus ciptaan baharu berasaskan tumbuhan," katanya ketika dihubungi BH.

Lebih membanggakan inovasi

Caco Tiles yang dibangunkan turut dipilih menerima anugerah khas Diploma Euroinvent Medal dari Romanian Inventors Forum.

Norzaina berkata, kemenangan itu turut mendapat sokongan pihak pentadbiran sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta pihak Universiti Malaya (UM) terutama membabitkan bantuan fasiliti serta khidmat nasihat.

"Ini adalah kali terakhir kita membawa produk Caco Tiles untuk dipertandingkan pada peringkat antarabangsa kerana selepas ini kita akan menfokuskan kepada produk lain pula seperti membabitkan kajian penyelidikan," katanya.

Sementara itu, Pengetua Cemerlang SBPI Gombak, Nor Hayati

Fakta
nombor

28
NEGARA

menyertai pertandingan termasuk negara Eropah, Thailand, Romania, Poland, Kanada, Taiwan, Iran, United Kingdom dan Korea Selatan.

Yusoff, berkata kejayaan berkenaan menjadi suntikan semangat kepada pelajar lain terutama bagi menghasilkan lebih banyak inovasi kreatif yang berpotensi untuk diketengahkan pada masa hadapan.

Beliau berkata, di samping penekanan terhadap akademik dan kokurikulum, pelajar juga digalakkan untuk membabitkan diri dalam aktiviti seperti inovasi dan reka cipta sekali gus menjadi nilai tambah untuk mereka terus berjaya.

"Tahniah saya ucapkan kepada pelajar dan guru terbabit kerana kejayaan ini menunjukkan komitmen kami (sekolah) untuk memastikan kementerian murid bukan sahaja dari segi akademik malah mencakupi aspek menyeluruh," katanya.

LAMPIRAN 15
BERITA HARIAN (PENDIDIKAN): MUKA SURAT 75
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Bangga dapat wakili Malaysia ke Osaka

Kuala Lumpur: Pasukan inovasi dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gombak Setia dan Kolej Vokasional (KV) Kuantan akan mewakili negara ke Osaka, Jepun tahun hadapan selepas muncul juara dunia pada Pertandingan World Robotics (WRC) 2018, peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

Pelajaran Tingkatan Tiga, Ahmad Aiman Norazam dan Muhammad Hafizam Masril, diumumkan sebagai pemenang kategori peringkat sekolah menengah manakala KV Kuantan yang diwakili Muhammad Alif Sohamie dan Muhammad Noorsuffian Abdul Rahman, masing-masing 16, mengungguli kategori 'Soccerbot'.

Ahmad Aiman ketika ditemui melahirkan rasa gembira walaupun kali kedua memenangi kategori sama pada tahun lalu.

"Kegembiraan berganda tahun ini apabila bukan saja dapat diumumkan sebagai pemenang tetapi akan

membawa nama negara ke peringkat antarabangsa.

"Kemenangan ini kami hadiahkan kepada kedua ibu bapa, guru, fasilitator dan juga penganjur yang memberi peluang untuk kami menimba ilmu mengenai dunia robotik dan kejuruteraan berkaitan," katanya.

Kaedah terbaik

Majlis perasmian penutup pertandingan itu disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Zainuren Mohd Nor.

Yang turut hadir Pengarah Urusan World Robotics Sdn Bhd, Lee Yew Kein dan Timbalan Presiden Operasi Asia Pasifik Universiti (APU), Gupardeep Singh.

Sebanyak 117 penyertaan membabitkan beberapa kategori seperti 'Junior', sekolah rendah dan menengah selain kategori khas Soccerbot menyertai pertandingan kali ini.

Sementara itu, Zainuren berkata, pihak Kementerian Pendidikan (KPM) mengalu-alukan penyertaan syarikat swasta untuk bekerjasama menyumbang ke arah pembangunan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Katanya, pendidikan kejuruteraan robotik adalah satu daripada kaedah terbaik untuk mendedahkan anak muda dengan konsep dalam empat bidang STEM.

"Kami berharap pertandingan ini akan terus memupuk minat generasi muda dalam bidang kejuruteraan bermula pada usia muda.

"Penganjuran pertandingan ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) untuk menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menarik minat dan kesedaran masyarakat dalam TVET," katanya.



Pasukan SMK Seri Gombak Setia dan KV Kuantan muncul juara WRC 2018 peringkat kebangsaan.

LAMPIRAN 17
HARIAN METRO (IT @METRO): MUKA SURAT 51 & 52
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

IMBAS KAD DAPAT MATA GANJARAN

Afif Haniff
 afif_haniff@metro.com.my

Disiplin menjadi pengurusan tingkah laku bagi pelajar sama ada di peringkat rendah atau menengah. Namun, sistem pendidikan di negara ini biasanya memfokuskan kepada kes-kesalahan berbanding amalan positif pelajar.

Di peringkat remaja, pelajar mengalami kekeliruan dan tekanan luar dalam mencari identiti diri mereka sendiri, sekali gus mudah terpengaruh dengan unsur negatif akibat kurangnya atau keterlaluan penjagaan dan kawalan daripada orang dewasa. Bagaimanakah kita boleh mengatasinya dengan penggunaan teknologi?

Sebuah sekolah swasta di Bangi, Selangor berjaya membuktikan penggunaan kod QR mampu meningkatkan disiplin dalam kalangan pelajar, sekali gus melahirkan individu yang mengajir kebajikan terutama apabila berada dalam sesi persekolahan.

> 52

BERLUMBA BUAT BAIK

PELAJAR yang mengumpul mata terbanyak boleh ditawarkan hadiah sebaik habis semester.

FOKUS IT
DARI MUKA 51

Sekolah terbahit menggunakan sistem StudentQR Points yang dibangunkan syarikat tempatan membolehkan guru memberi merit atau markah berdasarkan sikap positif pelajar di sekolah menggunakan imbasan kod QR yang dipasang pada kad ID pelajar. Antara merit atau 'point' khas seakan memperoleh mata ganjaran ketika mengisi petol dan sebagainya itu boleh diberikan kepada pelajar terbahit apabila mereka datang ke sekolah, gotong royong, menghantar kerja rumah, membaca al-Quran dan sebagainya.

Kesemua merit dan jumlah markah ditentukan sendiri pihak sekolah.

Behan guru pula kini lebih ringan apabila mereka hanya perlu mengisi kehadiran dan rekod pelajar dengan lebih pantas tanpa perlu menyalin semula daripada kertas ke komputer di pejabat.

Bukan itu saja, ibu bapa

juga boleh memantau seiaht mana kemajuan anak mereka di sekolah seperti hafazan al-Quran, bacaan buku, aktiviti sekolah dan sebagainya.

Sekolah swasta, Sekolah Menengah Islam Al-Amin Bangi menjadi sekolah perintis pertama di Asia yang menggunakan sistem StudentQR Points ini. Menurut Guru Besarnya Ahmad Fadhl Mohd Faudzi, sistem terbahit berjaya meningkatkan prestasi pelajar beliau dengan mendadak.

"Boleh dikatakan, terdapat peningkatan sehingga 75 peratus berbanding sebelum adanya sistem terbahit sebelum ini."

"Pelajar lebih berdisiplin dan berfalsafah membuat kebajikan dan semuanya direkodkan dengan kemas," katanya.

Beliau juga mengatakan sistem ini digunakan juga di sekolah lain.

Pelajar, Muhammad Naufal, 16, memaklumkan, sebelum adanya sistem terbahit, perasaan malas untuk berbuat kebajikan ada namun ia berjaya diatasi dengan aplikasi mengimbas kod StudentQR Points.

"Nampak macam tak

ikhlas, tapi ia permulaan kerana kita berlumba-lumba mengatasi rakan lain untuk mendapat markah."

"Secara tidak langsung, ikhlas itu sendiri akan datang kemudian selepas gembira membuat kebajikan," katanya.

Seorang lagi pelajar, Muhd Raziq, 16, memberitahu sistem ini menjadikan beliau lebih rajin dari sebelumnya kerana harus bersaing dengan rakan untuk mendapatkan lebih banyak markah daripada guru.

"Misalnya, selepas saya membantu guru, beliau akan mengimbas kad pelajar saya dan memberikan markah tertentu yang pastinya memberi galakan untuk terus berbuat kebajikan," katanya.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, StudentQR Points meningkatkan prestasi dan disiplin pelajar sehingga 50 peratus.

Malah, sistem ini membolehkan ibu bapa mengetahui aktiviti dan kemajuan anak mereka di sekolah secara masa sebenar.

Melalui kajian selama dua tahun, sistem ini



ditambah baik dan mendapat reaksi positif daripada guru, pelajar dan ibu bapa.

StudentQR juga menyokong mod 'offline' yang mana aplikasi terbahit masih boleh digunakan jika tiada sambungan internet dan akan disambungkan ke sistem perkomputeran 'cloud' apabila rangkaian Internet dilesan semula.

Menurut pencipta dan pengasas sistem StudentQR Points, Syed Huzzaifah Syed Omar, konsep yang sama digunakan sejak 2001 di Amerika Syarikat memabitkan sejumlah

14 juta pelajar dan berjaya meningkatkan prestasi pelajar dengan berkesan.

"Bayangkan kalau kita isi petol pun dapat mata ganjaran, konsep sama digunakan bagi StudentQR Points mengikut kemampuan sekolah masing-masing," katanya.

Katanya, ada sekolah memberikan ganjaran kepada pelajar yang memperoleh mata tertinggi di penghujung sesi persekolahan.

StudentQR Points dihasilkan melalui syarikat Bumiputera, Futurity Resources Sdn Bhd diasaskan Syed Huzzaifah.

GURU memosokkan mata ganjaran dengan mengimbas kod pelajar.

LAMPIRAN 18
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 26
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Nasa probes 'drug-free' policies at SpaceX, Boeing

WASHINGTON: The US space agency has ordered a sweeping safety review of operations and workplace culture, including drug-free policies, at Boeing and SpaceX, two companies working to send astronauts to space, US media said.

The review was "prompted by the recent behaviour of SpaceX's founder, Elon Musk, according to three officials with knowledge of the probe, after he took a hit of mar-

ijuana and sipped whiskey on a podcast streamed on the Internet," said the *Washington Post*, which first reported on the story.

Nasa declined to comment on the allegations, but confirmed the review would start next year as the agency focuses "on safe and successful commercial crew missions" to the International Space Station.

"In the coming months, prior to the crew test flights of Crew Dragon

and Starliner, Nasa will be conducting a cultural assessment study in coordination with our commercial partners to ensure the companies are meeting Nasa's requirements for workplace safety, including the adherence to a drug-free environment," said the Nasa statement.

"We fully expect our commercial partners to meet all workplace safety requirements in the execution of

our missions and the services they provide the American people. As always, Nasa will ensure they do so."

Musk, who is also CEO of Tesla Motors, has faced increased scrutiny over his volatile behaviour, including smoking marijuana during a podcast interview earlier this year and assailing a man involved in the Thailand cave rescue as a "paedo guy". — AFP

LAMPIRAN 19
THE STAR (WORLD): MUKA SURAT 26
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

US mulls curbing artificial intelligence exports for safety

WASHINGTON: The administration of US President Donald Trump is exploring curbing exports of sensitive technologies including artificial intelligence for national security reasons, according to a proposal this week.

The proposal to control sales of certain technologies "essential to the national security of the United States" comes amid growing trade friction with Beijing – and fears that

China may overtake the US in some areas such as artificial intelligence.

The Commerce Department said in the proposed rules, published Monday, that it would consider curbs on various AI technologies such as neural networks and deep learning, computer vision, natural language processing and audio and video manipulation.

Artificial intelligence is a key element of many computer products

made by US tech firms including smartphones, connected speakers and self-driving cars. AI can also have applications for military purposes.

The proposed rules also said export curbs would be examined for microprocessor technology, quantum computing, robotics and other sectors.

The US is examining controls for "specific emerging technologies"

that would avoid "negatively impacting US leadership in the science, technology, engineering, and manufacturing sector," said the federal register notice.

But banning AI exports could be counterproductive to US goals, said Daniel Castro, vice president of the Information Technology and Innovation Foundation, a Washington think tank.

"If the US government bans the

export of AI technology, other countries will likely enact reciprocal policies," Castro said.

"It will mean US companies are locked out of certain markets, allowing firms in other countries to compete unchallenged."

Castro said a ban also would "prevent the type of international research collaboration needed in an emerging technology such as AI," including with China. — AFP

LAMPIRAN 20
KOSMO! (DUNIA): MUKA SURAT 48
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

6 kilogram sampah ditemui dalam perut paus terdampar di Indonesia

JAKARTA - Seekor paus sperma ditemui mati di Indonesia bersama 115 cawan plastik dan 25 beg plastik di dalam perutnya, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan aktivis alam sekitar dan mencerminkan masalah sampah di negara berkenaan.

Sampah tersebut adalah sebahagian daripada 6 kilogram sisa plastik yang ditemui di dalam bangkai paus sepanjang 9.5 meter itu. Paus tersebut terdampar di tepi pantai di Taman Negara Wakatobi, wilayah Sulawesi Tenggara pada Isnin lalu.

Sampah lain termasuk beberapa pasang selipar dan kain tarpaulin yang koyak, kata ketua pelancongan

Wakatobi, La Ode Saleh Hanan kepada agensi berita *AFP* semalam.

Kumpulan pemuliharaan, WWF Indonesia menyatakan di laman media sosial bahawa kakitangannya menemui empat botol plastik dan 3.26 kilogram tali rafia di samping sejumlah beg dan cawan plastik di dalam perut paus tersebut.

Indonesia merupakan penyumbang sampah marin kedua terbesar di dunia selepas China dengan 1.29 juta tan metrik sampah dihasilkan pada setiap tahun.

Masalah sampah menjadi begitu buruk sehingga memaksa pemerintah mengisytiharkan 'darurat



REUTERS

BANGKAI seekor paus sperma ditemui di Wakatobi, Sulawesi Tenggara, Indonesia pada Isnin lalu.

sampah' pada tahun lalu selepas pantai sepanjang 6 kilometer di Pulau Bali ditimbuni sampah sarap.

Pemerintah negara terdiri

daripada lebih 17,000 buah pulau itu berikrar akan mengurangkan sampah marin sekitar 70 peratus menjelang tahun 2025. - AFP

LAMPIRAN 21
SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 3
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

Enam kilogram sampah dalam perut paus

JAKARTA - Botol dan beg plastik antara sisa sampah yang ditemui dalam perut bangkai seekor paus sperma yang ditemui mati berhampiran Taman Negara Wakatobi di tenggara Sulawesi, kelmarin.

Menurut pegawai taman negara, paus sepanjang 9.5 meter itu ditemui di perairan berhampiran Pulau Kapota.

Taman berkenaan terkenal dalam kalangan penyelam kerana kawasan luas terumbu karang dan pelbagai hidupan laut

termasuk ikan pari dan paus.

Punca kematian haiwan terbabit tidak diketahui namun pihak berkuasa taman menemui botol plastik, beg, sandal dan sebuah goni dipenuhi lebih 1,000 potongan tali dalam perut paus malang itu.

Taman Wakatobi bercadang menanam bangkai paus itu ketika air pasang, kelmarin dan sisa itu akan digunakan untuk tujuan penyelidikan oleh akademi marin tempatan.

- Agensi



Antara sisa sampah yang ditemui dalam perut bangkai paus sperma yang tersadai di Taman Negara Wakatobi, Sulawesi.

LAMPIRAN 22
MALAY MAIL (WORLD): MUKA SURAT 17
TARIKH: 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)



Dead sperm whale found with 6kg of plastic in stomach

PLASTIC items from a sperm whale's belly are seen in Wakatobi, southeast Sulawesi, after 115 plastic cups and 25 plastic bags were found in its stomach, raising concern among environmentalists and throwing the spotlight on the country's rubbish problem. The items were part of nearly 6kg of waste discovered in the 9.5m-long carcass when it washed ashore in Wakatobi National Park on Monday. Other debris included flip flops and ripped tarpaulins, the head of Wakatobi tourism, La Ode Saleh Hanan, said yesterday. Conservation group WWF Indonesia said on social media its staff found four plastic bottles and 3.26kg of raffia rope, as well as the plastic bags and cups. The exact cause of the whale's death is not yet known but there are signs that 'plastic waste might have triggered it', WWF Indonesia marine species conservation coordinator Dwi Suprpti said. — Picture by Reuters